



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545
Fax : 603-88895542
E-mail : ismailmerican@moh.gov.my

Ruj. Kami: Bil. (22) dlm. KKM/62/BPKK(AM)/Pel-22a
Tarikh : 6 November 2009

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 20/2009

GARIS PANDUAN PENUBUHAN KLINIK 1 MALAYSIA

1. Objektif /Tujuan:

Menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar sesuai dengan pendekatan kerajaan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Dengan wujudnya perkhidmatan ini ianya dijangka dapat membantu mengurangkan beban pesakit di klinik kesihatan di kawasan Bandar sedia ada . Dalam hal ini akses masyarakat untuk mendapatkan rawatan ringan terutamanya di kawasan bandar dapat ditingkatkan.

2. Skop Perkhidmatan Dan Keperluan Tenaga Manusia

Secara amnya skop yang dicadangkan adalah skop perkhidmatan yang boleh dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih. Ianya meliputi:

- Perkhidmatan rawatan ringan
- Susulan kes penyakit kronik
- Melakukan prosedur rawatan ringan
- Membuat notifikasi bagi penyakit berjangkit

- Menstabilkan pesakit sebelum dirujuk ke hospital berdekatan bagi kes kecemasan
- Perkhidmatan makmal menggunakan *point of care test*
- *Pendispesan* ubat
- Khidmat nasihat / promosi kesihatan kepada pesakit

Lampiran 1 menjelaskan perincian perkhidmatan yang boleh dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih .

Kes yang diluar bidang Penolong Pegawai Perubatan akan dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital berdekatan dimana perkhidmatan disediakan oleh Pegawai Perubatan. Bagi rawatan kecemasan, perkhidmatan yang disediakan ialah menstabilkan pesakit sebelum dirujuk ke hospital berdekatan. Sistem rangkaian panggilan kecemasan akan diperluaskan pada klinik-klinik ini.

3. Kualiti dan Piawai

Klinik 1 Malaysia akan diselia oleh Pegawai Perubatan dari klinik kesihatan yang telah dipertanggungjawabkan. Oleh yang demikian Pegawai Perubatan yang menjaga klinik tersebut perlu memantau dan menyelia secara berkala bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan mengikut piawai, berkualiti dan mengikut prosedur piawai operasi.

4. Kaedah Pelaksanaan:

4.1 Garis panduan ini mencadangkan dua kaedah pelaksanaan, cadangan pertama adalah merupakan klinik statik dan cadangan kedua adalah klinik bergerak. Cadangan pengagihan bilangan klinik mengikut negeri disertakan di Lampiran 2.

4.1.1 Klinik Statik:

Klinik boleh ditempatkan di rumah kedai / premis yang disewa. Cadangan untuk mendapatkan premis secara percuma juga adalah digalakkan.

4.1.2 Klinik Bergerak

Bagi kawasan yang menghadapi kesukaran mendapatkan penyewaan tempat untuk klinik statik, perkhidmatan bergerak beroperasi dari Klinik Kesihatan sedia ada yang berdekatan boleh dipertimbangkan.

4.2 Tempat / Kawasan Operasi

4.2.1 Pengarah Kesihatan Negeri hendaklah mengenalpasti lokasi / kawasan bangunan untuk dijadikan klinik mengikut keperluan setempat. Klinik mestilah berdekatan dengan kawasan

perumahan dan mudah di akses oleh penduduk dengan kenderaan atau berjalan kaki.

- 4.2.2 Jika perlu menyewa, proses untuk menyewa bangunan hendaklah mengikut prosedur sedia ada. Bagi tujuan ini, pihak negeri diminta mengemukakan permohonan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan KKM selewat-lewatnya pada pertengahan bulan November 2009 bagi membolehkan proses penyewaan disegerakan.
- 4.2.3 Cadangan untuk mendapatkan bangunan secara percuma adalah digalakkan.

4.3 Perjawatan

- 4.3.1 Sebagai strategi jangka pendek bagi membolehkan klinik mula beroperasi pada bulan Januari 2010, pengagihan penjawat awam dari klinik sediaada perlu dilaksanakan.
- 4.3.2 Pihak Jabatan Kesihatan Negeri boleh menggunakan anggota sedia ada. Pengambilan Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat secara kontrak juga boleh dilakukan.
- 4.3.3 Pengarah Kesihatan Negeri perlu memohon perjawatan baru untuk pelaksanaan perkhidmatan Klinik 1 Malaysia ini. Kategori yang diperlukan termasuk Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih, Pembantu Perawatan Kesihatan.

4.4 Masa Perkhidmatan

- 4.4.1 Masa perkhidmatan Klinik 1 Malaysia adalah dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 10.00 malam
- 4.4.2 Perkhidmatan akan dijalankan setiap Hari Bekerja. Klinik tidak beroperasi pada Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.
- 4.4.3 Perlaksanaan perkhidmatan boleh dijalankan secara syif

4.5 Rekod Dan Reten

- 4.5.1 Perkhidmatan ini akan dinilai keberkesanannya dari masa kesemasa. Oleh yang demikian, proses pengumpulan, pemprosesan serta analisa data dan maklumat adalah penting untuk memantau perjalanan bagi memastikan kejayaan projek ini.
- 4.5.2 Indikator akan dibentuk dan semua klinik perlu memastikan data dan maklumat terkumpul bagi tujuan pemantauan pelaksanaan projek.

4.5.3 Sistem ICT Teleprimarycare digalakkan untuk diguna beserta dengan sistem temujanji eKL bagi memantau dan memudahkan klien membuat temujanji.

5. Kos operasi:

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 10 juta untuk operasi 50 klinik di seluruh negara setahun. Walaubagaimanapun, kos operasi mungkin berbeza mengikut klinik. Anggaran adalah seperti di Lampiran 3 (untuk kos pelaburan permulaan), Lampiran 4 (untuk kos operasi tahun seterusnya) dan Lampiran 5 untuk senarai terperinci keperluan klinik.

6. Penutup

Klinik 1 Malaysia dijangka akan memperluaskan akses perkhidmatan kepada masyarakat khususnya penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Dengan adanya akses yang lebih mudah, aktiviti promosi kesihatan, pengawalan dan rawatan penyakit dapat dijalankan dan diharap dapat mengurangkan beban penyakit setempat.

7. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Aras 7 & 8 , Blok E10, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.

No. Telefon : 03-88834011

No. Fax : 03-88832210

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.